

TARIKH	14 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Dlm Negeri

Kumpulan pertama 356 jemaah haji tiba di Bayan Lepas, Pulau Pinang

PULAU PINANG 13 Nov. - Peluang mengerjakan ibadat haji pada usia muda tidak mungkin dilupakan Mohamad Helmi Hafifi Ramli, 25, yang menuaikan rukun Islam kelima itu bersama ibunya baru-baru ini.

Bagi Mohamad Helmi, perasaan terharu dan gembira yang dirasaiinya sukar digambarkan apabila pertama kali dapat melihat Kaabah di depan mata serta menyempurnakan semua rukun haji dengan selesa.

"Saya rasa amat bersyukur kerana diberi peluang untuk mengerjakan haji pada usia yang masih muda dan amat kagum apabila dapat menatap Kaabah ketika melaikun tawaf."

"Biarpun cuaca di Mekah dan Madinah agak panas, saya dapat menyempurnakan semua rukun haji bersama ibu, Zainab Othman, 64," katanya yang berasal dari Kuala Nerus, Kedah.

Mohamad Helmi adalah salah seorang daripada 356 jemaah haji pertama yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini hari ini dengan me-

naiki pesawat Malaysia Airlines. Pesawat tersebut tiba pada pukul 12.15 tengah hari selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah di Arab Saudi.

Ketibaan jemaah disambut oleh ahli keluarga dan saudara-mara masing-masing yang menunggu sejak pukul 7 pagi di balai ketibaan.

Bagi Suaiib Bakar, 66, biarpun gembira kerana dapat menyempurnakan ibadat haji, perasaan hiba tetap terasa mengenang isterinya, Sharipah Bidin yang meninggal dunia di Padang Arafah kerana segerangan jantung.

"Jenazahnya dikebumikan di Me-

kah dan saya reda kehilangannya kerana dia meninggal dunia di tanah suci," ujarnya yang berasal dari Bukit Minyak dekat Bukit Mertajam di sini.

Sementara itu, seorang lagi jemaah muda, Nor Wadiana Jamaluddin, 27, berkata, bia-

rupun ini kali kedua dia me-

laksanakan ibadat haji, pera-

saan terharu tetap timbul tat-

kala melihat Kaabah dan melakukan semua rukun haji.

"Kali pertama saya menuaikan haji ialah ketika berusia 16 tahun dan bersyukur kerana pada tahun ini sekali lagi saya dipilih sebagai tetamu Allah.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada petugas Tabung Haji (TH) yang amat komited menjaga kebijakan jemaah haji Malaysia di Tanah Suci dan semua urusan dapat berjalan dengan lancar," katanya.

Dalam pada itu Pengarah TH Pulau Pinang, Rozimlin Ahamed Kamil memaklumkan, seramai tiga je-

mah haji wanita dari Pulau Pinang telah meninggal dunia pada tahun ini akibat sakit jantung.



MOHAMAD HELMI

SUAIB BAKAR



SEBAHAGIAN Jemaah haji yang selamat tiba ke tanah air berhati-hati sebentar bagi urusan pasport di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas, semalam.